DERMAFIN® CREAM

Terbinafine Hydrochloride (10mg/g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DERMAFIN® CREAM
2. Bagaimana DERMAFIN® CREAM berfungsi
3. Sebelum mengambil DERMAFIN® CREAM
4. Cara menggunakan DERMAFIN® CREAM
5. Semasa menggunakan DERMAFIN® CREAM
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DERMAFIN® CREAM
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DERMAFIN® CREAM

DERMAFIN® CREAM digunakan untuk jangkitan kulat pada kulit seperti di bawah:

- kulat air (athlete's foot) (tinea pedis) – terutamanya bila terjadi di celah-celah jari kaki
- kurap/gatal kelangkang (jock itch) (tinea cruris) – ruam gatal dengan lingkaran keliling yang jelas yang selalunya muncul pada kelangkang dan bahagian dalam paha.
- kurap (ringworm) (tinea corporis) – tompok bulat ruam merah, juga mungkin berbentuk sisik.
- panau [pityriasis (tinea) versicolor] – panau muncul pada kulit dalam bentuk tompok bersisik yang menjadi tompok putih disebabkan kehilangan pigmentasi kulit.

DERMAFIN® CREAM digunakan untuk kegunaan luar sahaja.

Bagaimana DERMAFIN® CREAM berfungsi

Terbinafine adalah ubat antikulat yang *fungicidal* (iaitu membunuh kulat) sesetengah dermatofit, kulat dan *fungistatic* (menghalang pembiakan kulat) untuk sebilangan yis yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum Menggunakan DERMAFIN® CREAM

-Bila tidak boleh menggunakan

DERMAFIN® CREAM tidak digalakkan untuk digunakan pada wanita hamil dan menyusu.

Jangan menggunakan DERMAFIN® CREAM jika anda alah kepada terbinafine atau mana-mana komponen dalam produk ini.

Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.

-Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor anda atau ahli farmasi jika anda alah kepada sebarang ubat atau mana-mana komponen dalam produk ini.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan DERMAFIN® CREAM bersama dengan ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan DERMAFIN® CREAM

-Berapa banyak harus digunakan

Sapu DERMAFIN® CREAM dengan nipis dan gosokkan dengan ringan pada kulit yang berjangkit dan kawasan sekitarnya sebanyak satu atau dua kali sehari.

Sekiranya jangkitan kulat di mana dua kawasan kulit boleh bersentuhan atau digosok bersama seperti di bawah kawasan payudara, antara jari, di bahagian lipatan badan, bahagian yang dijangkiti boleh ditutup dengan pembalut kasa terutamanya pada waktu malam.

-Bila perlu digunakan

DERMAFIN® CREAM perlu disapu mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Kulat air, kurap/gatal kelangkang, kurap: Rawatan selama 1 minggu biasanya akan mencukupi sekiranya krim digunakan sekali sehari.
Jangkitan kulit oleh kulat: selama 1-2 minggu.
Jangkitan kulit oleh yis: selama 2 minggu.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk sapu ubat ini, sapu secepat mungkin selepas anda teringat dan teruskan penggunaan seperti biasa.

Jika anda tertelan krim dengan banyak secara tidak sengaja, gangguan usus seperti mual dan muntah boleh berlaku.

-Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau dapatkan rawatan perubatan jika anda atau orang lain mungkin telah menggunakan ubat ini secara berlebihan.

Semasa menggunakan DERMAFIN® CREAM

-Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda apabila anda sedang menggunakan DERMAFIN® CREAM.

Anda perlu beritahu doktor sekiranya anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan daripada menyentuh mata anda.

Simpan di tempat yang tidak dapat dicapai oleh kanak-kanak.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor anda. Jangan beri ubat ini kepada orang lain walaupun keadaan mereka serupa dengan anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya anda mengalami tindakbalas alahan dengan DERMAFIN® CREAM, segera rujuk ke unit kecemasan.

Kesan-kesan sampingan

Kemerahan atau kegatalan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].*

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan dalam bekas tertutup. Simpan di bawah suhu 30ºC. Lindungi dari terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap.

-Pelupusan

Lupuskan DERMAFIN® CREAM apabila anda berhenti menggunakannya atau jika ubat ini telah melepasi tarikh luput.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih

-Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:
Terbinafine Hydrochloride

Bahan Tidak Aktif:
Benzyl alcohol, Fruilix, White Petrolatum, Dimethylpolysiloxane, Sodium Citrate, Propylene Glycol, Span 60, Propyl Paraben, Purified Water, Tween 60, Mineral Oil, Cetyl Alcohol dan Methyl Paraben.

-Nombor MAL
MAL 20040824XZ

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13, Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
09/10/2025

Nombor Siri
NPRA(R4/1)170820/00124